

22 MAY 2003

I

MALAYSIA TIDAK AKAN MELIBATKAN DIRI DALAM KONFLIK ACHEH

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak mahu melibatkan diri dalam konflik di Aceh, yang kumpulan pemisah bertempur dengan kerajaan Indonesia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak mahu terlibat dalam hal ehwal dalaman di Indonesia.

Bagaimanapun, Malaysia perlu memastikan bahawa ia tidak terjejas oleh konflik Aceh, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

"Kita perlu berjaga-jaga dengan orang (Aceh) yang lari ke Malaysia bagi mencari perlindungan," kata Dr Mahathir yang merupakan Presiden Umno.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas pertempuran antara anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM) dan pasukan tentera Indonesia.

Indonesia melancarkan operasi ketenteraan besar-besaran terhadap kumpulan pemisah itu di wilayah Aceh pada Isnin ekoran kegagalan rundingan damai antara kerajaan dan GAM di Tokyo pada hujung minggu lepas.

-- BERNAMA

HK HK YBY RHM